



Newspaper	Harakah
Date	19/4/2013

# Benarkah Malaysia amal demokrasi?

Harakah - 19/4/2013

Oleh USTAZ ABDUL GHANI SAMSUDDIN

**K**EBOBROKAN pemerintahan BN sekarang bukan lagi rahsia, malah ia telah menjadi buaian setiap peringkat rakyat yang prihatin dan masih waras daripada bencana dan dusta media perdana. Rasa tidak malu atau tidak segan berdusta itu dipamerkan oleh pemimpin utama Islam mengisytiharkan pembubaran Parlimen baru-baru ini.

Perbuatan menyalahgunakan jentera negara dan media kerajaan sebelum pilihan raya diadakan sehingga kini dan seterusnya membayangkan kepincangan dan peri buruknya perjalanan demokrasi di Malaysia termasuklah pengumuman Manifesto BN lebih dua jam, sementara bagi parti-parti pembangkang hanya diperuntukkan hanya 10 minit secara rakaman setiap satu.

Sistem pendaftaran pengundi yang bermuslihat telah menyebabkan jutaan pengundi muda Islam terhalang daripada menunaikan tugas mereka sebagai warga negara. Hak mengundi adalah hak asasi rakyat yang sudah akil baligh atau dalam kadar umur yang telah ditetapkan. Tidak mengundi dalam sistem pengundian yang betul adalah suatu dosa dan menyebabkan seseorang itu mati dalam keadaan jahiliah.

Demokrasi bukan hanya aktiviti mengundi, tetapi mempunyai unsur-unsur penting untuk memastikan ciri utama dan sifatnya yang memberikan keadilan terhadap hak rakyat dan kemerdekaan mereka. Antaranya daftar pengundi yang betul, mewakili realiti rakyat yang berhak mengundi, kaedah mengundi yang tidak dimanipulasi untuk kemenangan parti tertentu, taburan pengundi yang mewakili tempat tinggal mereka yang sah dan tidak disusun atur oleh SPR untuk memastikan kemenangan sebelah pihak, akses kepada media yang sama rata dan adil oleh parti-parti yang memasuki pilihan raya termasuk parti pembangkang.

Perbelanjaan yang mempunyai had daripada wang parti, dan bukan menyalahgunakan wang kerajaan dengan pemberian dan agihan gula-gula memancing undi dengan projek berbilion ringgit daripada dana kerajaan. Seterusnya wujud SPR dan petugas SPR yang adil, berintegriti dan tidak memihak kecuali kepada rakyat semata-mata demi memelihara integriti dan amalan demokrasi yang sihat.

Sebenarnya banyak lagi ciri demokrasi yang tulen dan sihat seperti mana yang diamalkan oleh negara-negara maju yang tidak berlaku di Malaysia. Sebab itulah Bersih menuntut pembersihan dalam semua aspek

yang berkaitan dengan perjalanan demokrasi di Malaysia ini. Ini juga menjadi tuntutan dan harapan masyarakat yang prihatin kepada kelangsungan amalan berpolitik secara sihat dan bertamadun di Malaysia.

Kita bimbang Malaysia jatuh dalam kancah krisis politik yang membawa padah seperti negara-negara membangun lain di dunia ini. Kezaliman tidak akan membuahkan keselamatan, sebab itulah setelah lebih 50 tahun merdeka rakyat Malaysia masih tidak merasa aman daripada kejahatan penjenayah dan malah daripada intimidasi dan kezaliman penguasa dan pasukan keselamatan. Oleh itu, janji BN untuk membawa keselamatan dalam manifestonya adalah suatu yang aneh dan ditertawakan oleh rakyat yang insaf.

## Reputasi buruk

Sebenarnya para pemimpin yang mempunyai reputasi buruk seperti itu tidak mungkin dapat dikategorikan dalam golongan pemimpin yang baik, adil atau cemerlang. Lambang dacing tidak semestinya menjanjikan keadilan sebaliknya ia adalah pemangkin kepada perbuatan zalim pemerintah. Dakwaan untuk membawa kemakmuran nyatanya kini menyebabkan rakyat semakin terhimpit dengan harga barang yang meningkat dan paras kemiskinan yang tetap meningkat dan mencengkam mereka.

Ini semua adalah kerana salah urus, salah tadbir harta awam dan sifat boros, membazir, rasuah dan menguntungkan kaum kroni keluarga dan sahabat handai yang dilakukan oleh mereka. Keuntungan Petronas yang begitu banyak tidak dapat dinikmati oleh rakyat tapi digunakan untuk mem bailout atau melepaskan syarikat kroni dan keluarga yang terjerat dengan hutang dan diisytihar sebagai muflis atau bankrap.

Negara diperintah dengan budaya komersial dan tamak untuk mengaut keuntungan. BN terang-terang mendidik rakyat menjadi matak mata duitan, berkerja dan berpolitik kerana kepentingan sempit dan bukan kerana kepentingan rakyat. Sebab itu mereka tidak dapat menghasilkan semangat dan pemimpin yang berjiwa murni, berakhlak mulia dan suka berkorban untuk rakyat.

Sebaliknya mereka terus menerus mendidik rakyat menjadi manusia egoistik, pentingkah diri sendiri, mementingkan budaya mengaut sebanyak mungkin harta dengan kuasa politik yang ada. Mereka berfikir dengan naluri tamak dan gila kuasa biarpun mencabul prinsip demokrasi, agama dan integriti.

Oleh itu insan yang dibangun oleh mereka sebenarnya tidak punya modal jati diri, tapi hanya bermodalkan sikap mengampu "ampu sana dan ampu sini". Modul latihan BTN - umpamanya - adalah salah

satu mereka. Apa yang dilahirkan oleh mereka; umumnya ialah insan yang kurang bermoral dan tidak bermodal kemanusiaan atau keagamaan yang sejati

Daripada huraian di atas nyata benar bahawa para pemimpin berkenaan sudah tidak boleh dipercayai dan termasuk dalam kumpulan pemimpin yang zalim apabila dihubungkan dengan kes-kes pemerajaraan tanpa pengadilan, dan berbagai undang-undang zalim yang mereka kuatkuasakan.

Mencegah ulama, profesor Islam dan pendakwah agama Islam daripada menyebarkan ilmu agama mereka sehingga ada yang mati dalam keadaan diharamkan daripada mengajari di masjid-masjid Allah dan surau, bahkan ramai lagi yang tersekat - meskipun bersijil daripada al Azhar dan bertaraf pemimpin ulama dan sebagainya - tidak dibenarkan mengajari dan berdakwah kerana tidak diberi tauliah oleh pemimpin politik atau pegawai suruhan mereka yang tidak pun bertauliah atau

sekarang sepatutnya amalan tidak demokratik seperti ini tidak boleh dilakukan oleh caretaker government; jika tidak makna demokrasi dan pilihan raya di negara ini semakin kosong dan tidak relevan; manakala negara akan menuju kepada keadaan anarki dan huru-hara.

Allah melarang umat Islam dan rakyat seluruhnya daripada memihak dan mengundi serta mencalonkan orang yang zalim, orang yang penuh dengan rekod buruk dalam memerintah negara. Allah berfirman: dalam Surah Hud ayat 113: "Jangan kalian cenderung menyokong orang yang zalim; kelak kalian akan dibakar oleh api neraka. (ketika itu) kalian tidak akan ada selain Allah sebagai penyelamat dan kalian tidak akan mendapat apa-apa pertolongan."

Allah berfirman dalam Surah Mariam ayat 68-72 yang bermaksud: "Demi Tuhanmu (wahai Muhammad) Kami akan himpunkan mereka semua dengan golongan syaitan dan akan Kami tampilkan mereka dengan melutut

kepada orang mukmin: Wahai mukmin, ayoh segeralah kamu menyeberangi sirat ini kerana cahaya mu memalapkan (nyalakan lidah) apiku."

## Golongan zalim

Suatu ketika seorang lelaki datang bertanya kepada Sufyan al Thauri. Dia berkata: Saya ini penjihat pakaihan untuk seorang raja (pemerintah) yang zalim; adakah saya terjerum dalam kalangan penyokong beliau. Sufyan al Thauri menjawab: "Anda bukan golongan penyokong tapi anda adalah daripada golongan penzalim itu sendiri. Golongan penyokong ialah orang yang menjual kepada anda jarum dan benang (untuk menjahit)." Dalam hadis lain berbunyi: "Siapa yang berjalan bersama orang zalim untuk membantunya, sedangkan dia tahu orang berkenaan adalah orang yang zalim maka dia telah keluar daripada (agama) Islam." (Hadis riwayat Ahmad dan Tabrani)

Abu Hurairah r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda: "Tiga orang Allah enggan bercakap-cakap dengan mereka pada hari kiamat kelak. Allah tidak sudi memandang muka mereka, Allah tidak akan membersihkan mereka daripada dosa (dan nod). Untuk mereka disiapekan seksa yang sangat pedih. (Mereka ialah): Orang tua yang berzina, pemerintah yang suka berdusta dan fakir miskin yang takabbur." - Hadis ditakhrifkan oleh Imam Muslim

Mengundi dalam sistem peralihan kuasa yang benar dan adil adalah suatu kewajipan agama. Ini kerana mengundi dan melantik pemimpin masyarakat dan negara adalah termasuk dalam kewajipan menunaikan kesaksian seperti yang termaktub dalam Surah al Talag ayat 2 yang bermaksud: "Tegakkan kesaksian kerana Allah, justeru itulah bimbingan nasihat untuk mereka yang beriman kepada Allah dan hari akhirat. Siapa yang bertakwa kepada Allah nescaya Allah berikan kepadanya jalan keluar."

Tidak melaksanakan kewajipan ini adalah suatu kejahatan menyembunyikan kesaksian yang diperintahkan oleh Allah dalam ayat tersebut. Malah golongan yang mati dan tidak pernah memba'ah atau mengundi dan melantik pemimpin adalah mati dalam jahiliah sepertimana yang ditegaskan oleh Rasulullah dalam hadis baginda: "...Siapa yang mati tapi tidak pernah memba'ah pemimpin maka matinya adalah kematian dalam jahiliah."

Selanjutnya mengundi dan melantik orang yang tidak wajar dilantik menurut syarak adalah juga suatu kejahatan menyembunyikan kesaksian yang benar sepertimana yang dituntut oleh ayat ini. Allah berfirman dalam Surah al Baqarah 283 yang bermaksud: "Siapa yang menyembunyikan kesaksian (yang benar) maka dia adalah insan berdosa."

Kezaliman tidak akan membuahkan keselamatan, sebab itulah setelah lebih 50 tahun merdeka rakyat Malaysia masih tidak merasa aman daripada kejahatan penjenayah dan malah daripada intimidasi dan kezaliman penguasa dan pasukan keselamatan.

bersijil setaraf dengan orang yang hendak diberi tauliah..

Profesor Dr Dato' Haron Din pernah disifatkan oleh mereka sebagai penjenayah syariah kerana mengajari tanpa tauliah di Selangor; meskipun beliau telah mengajari sekian lama di UKM dan bersara; di mana pencen beliau pun dibayar oleh kerajaan Malaysia. Dato' Ismail Kamus hendak ditangkap oleh Jais kerana mengajari (dengan dakwaan mereka) tanpa tauliah.

Sedangkan beliau adalah bekas pegawai agama yang telah menandatangani surat pemberian tauliah yang banyak ketika bertugas di Jabatan Agama. Alangkah zalim dan besarnya dosa mengkhianati masjid Allah, ilmu Allah, dan hak rakyat untuk mendapat bimbingan ilmu dari golongan ulama ini.

Cara para pemimpin politik BN memeralat dan mengguna polis untuk mengganggu - akhir akhir ini - terhadap ceramah Dato' Seri Anwar Ibrahim dan lain lain tokoh semakin menampakkan ketidakdemokrasian pemerintah BN. Mereka tidak sepatutnya mendedahkan polis kepada kebencian rakyat dan pergelutan langsung dengan gelombang kebangkitan rakyat. Justeru, ini akan merendahkan lagi imej pasukan keselamatan berkenaan kerana salah tadbir dan salah guna atau urus politikus BN.

Setelah pembubaran Parlimen seperti suasana

di tubir neraka. Kemudian Kami akan rentap (dan sentap) golongan penderhaka yang paling biadab terhadap Tuhan Yang Maha pemurah. Kemudian kami yang lebih tahu siapa yang lebih wajar dihumban dan dibakar di dalam neraka. Semua kamu pasti akan dibawa ke tubir berkenaan. Ini adalah ketentuan Tuhanmu yang azali dan pasti. Kemudian Kami akan selamatkan golongan yang bertakwa (daripada seksa neraka) dan kami akan biarkan manusia penzalim tersebut terbongkang di dalam neraka.

Rasulullah bersabda: "Orang yang paling keras disiksa pada hari kiamat kelak adalah pemimpin / pemerintah yang zalim". Sabda Nabi lagi yang bermaksud: "Apabila manusia dihimpunkan pada hari kiamat di pinggir titian siratul mustaqim Allah berfirman; Akulah Allah, Akulah Raja (yang sebenar) Akulah Dayyan (pemilik hakiki agama ini); demi kemuliaan ini tiada seorangpun manusia penzalim yang dapat melepasi siratul mustaqim ini. Kemudian berserulah seorang Malaikat di pihak Allah (bertanya); Mana dia manusia penzalim berkenaan? Mana juak-juak penyokong penzalim tersebut. Mana dia pembantu yang menajamkan pena (pensil) penzalim. (wartawan upahan). Mana dia golongan yang mangajukan dakwat untuk penzalim (menulis). Kemudian neraka berseru